



## **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr. HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD**

### **SEMPENA**

## **MAJLIS PELANCARAN KARNIVAL 8R BERSAMA JCI BATU KAWAN**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**25 FEBRUARI 2018 (AHAD)  
9.30 PAGI**

**PASAR AWAM KOTA PERMAI  
TAMAN KOTA PERMAI  
BUKIT MERTAJAM**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud**  
Setiausaha Perbandaran MPSP

**Yang Berusaha Cik Ang Hui Fong**  
Presiden JCI Batu Kawan

**Yang Berusaha Encik Yeoh Kang Wet**  
Pengerusi Jawatankuasa Penganjur JCI Batu Kawan

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Para Penduduk Taman Kota Permai dan Kawasan Sekitar**

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Karnival 8R bersama Junior Chamber International (JCI) Batu Kawan di Pasar Awam Kota Permai, Taman Kota Permai, Bukit Mertajam.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada JCI Batu Kawan atas kesudian badan ini untuk bersama-sama dengan MPSP dalam menganjurkan Karnival 8R. Tujuan Karnival ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran akan kepentingan penggunaan bijak (smart consumption) bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan.

Sepanjang tahun 2017 JCI Batu Kawan telah bersama-sama MPSP dalam menjalankan dan menjayakan aktiviti LA21. Antara aktiviti-aktiviti LA21 MPSP yang disertai oleh JCI Batu Kawan pada tahun 2017 adalah:-

1. Latihan kesedaran kualiti air sungai untuk murid-murid SJKC Keng Koon, Bukit Tambun yang telah diadakan pada 14 Mei 2017.
2. Kempen kitar semula dari rumah ke rumah bersama murid-murid SJKC Keng Koon di Taman Merak Jaya pada 10 September 2017.
3. Kempen kitar semula dari rumah ke rumah bersama JKKK Taman Perkasa Butterworth dan murid-murid SJKC Li Hwa di Taman Perkasa pada 1 Oktober 2017.
4. Membuat bebola tanah bersama SMK Valdor, SMK Jawi, SMK Mutiara, SMK Tun Syed Barabath pada 27 September 2017; SMK Batu Kawan, SMK Bandar Tasek Mutiara, SMK Tasek pada 28 September 2017; dan Kolej KDU dan SJKC Keng Koon pada 19 November 2017.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Prinsip LA21 menggalakkan dan melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan pembangunan ekonomi dan

sosial. Pelan Tindakan Pasukan Kerja LA21 untuk tahun 2018

alah:-

BIL	PROGRAM	AKTIVITI/TARIKH/TEMPAT
1	Anugerah Sekolah Hijau Tajaan Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pelancaran pada 8 Februari 2018.</li> <li>b) Bengkel Sekolah Hijau dari Februari hingga September 2018 di mana bengkel diadakan di 4 buah sekolah setiap bulan dengan penyertaan 160 sekolah.</li> <li>c) Penyampaian anugerah pada akhir bulan Oktober 2018.</li> </ul>
2	Anugerah Kitar Semula Sekolah Tajaan F&N	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pelancaran pada 18 Januari 2018 dengan sasaran penyertaan 160 sekolah.</li> <li>b) Tarikh tutup penyertaan pada: 28 Februari 2018.</li> <li>c) Penilaian pada Oktober 2018.</li> <li>d) Penyampaian anugera pada Oktober 2018.</li> </ul>
3	Pertandingan Sudut Kitar Semula Kreatif Tajaan F&N	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Sasaran penyertaan 50 buah sekolah.</li> <li>b) Tarikh tutup penyertaan 30 Jun 2018.</li> <li>c) Penyampaian hadiah pada Oktober 2018.</li> </ul>
4	Pertandingan ‘upcycle’ Kotak Minuman Tajaan Tetra Pack Malaysia Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Sasaran 200 penyertaan barang ‘upcycle’.</li> <li>b) Tarikh tutup penyertaan pada 8 Jun 2018.</li> <li>c) Tarikh penilaian pada Jun 2018.</li> <li>d) Penyampaian hadiah pada Julai 2018.</li> </ul>
5	Pertandingan melukis Mural 8R Sekolah Tajaan Kelab Lion International	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Sasaran penyertaan 15 buah sekolah menengah.</li> <li>b) Tarikh lukisan mural bermula Mac hingga Mei 2018.</li> <li>c) Penyampaian hadiah pada Jun 2018.</li> </ul>

6	Anugerah Komuniti Mampan 2018 - 2019 Tajaan Amphenol TCS	<p>a) Pelancaran pada Mac 2018.</p> <p>b) Ceramah / bengkel diadakan di satu komuniti setiap bulan bermula Mac 2018 hingga Februari 2019 dengan sasaran 25 penyertaan komuniti.</p> <p>c) Penyampaian hadiah pada April 2019.</p>
7	Program Kitar Semula	<p>a) Ceramah bengkel dan pameran 6 kali sebulan.</p> <p>b) Penubuhan 5 buah Pusat Kitar Semula.</p> <p>c) Kadar Kitar Semula ditingkatkan sebanyak 8% setahun.</p>
8	Program ‘upcycle’	<p>a) Bengkel latihan sekali sebulan.</p> <p>b) Karnival ‘upcycle’ 2 kali setahun di Autocity, Juru dan Pasar Awam Kota Permai.</p> <p>c) Bengkel dan pameran ‘upcycle’ sekolah di 20 sekolah dalam bulan Julai 2018.</p>
9	Latihan Kesedaran Dan Pendidikan Air Sungai Bagi Murid-Murid Sekolah Menengah.	<p>a) Pelancaran di bulan Mac 2018 dengan penyertaan 10 sekolah terpilih.</p> <p>b) Latihan kepada 3 orang bagi satu sekolah.</p> <p>c) Pertandingan Kuiz pada November 2018.</p>
10	Program 8R Bersama Junior Chamber International (JCI) Batu Kawan	<p>a) Pelancaran pada 25 Februari 2018.</p> <p>b) Karnival di Pasar Kota Permai pada Ahad terakhir setiap bulan.</p> <p>c) Kempen 8R dengan cetakan 10,000 keping poster untuk edaran.</p>
11	Rakan Kongsi “Trash To Tressure”	<p>a) Kenal pasti sisa untuk dikitar semula (satu produk satu tahun) sepanjang masa.</p> <p>b) Sisa jana tenaga menggunakan sisa organik ladang khinzir di Kampong</p>

		Valdor.
12	Kebun Kejiranan	<p>a) Bengkel untuk komuniti dua kali setahun.</p> <p>b) Pemasaran sayur organik setiap bulan di Auto City.</p>

Untuk makluman para hadirin sekalian, Seberang Perai telah berjaya dengan satu pencapaian yang hebat di mana kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai telah meningkat daripada 22% pada tahun 2008 kepada 42% pada tahun 2017. Kadar kitar semula ini, adalah beratan kitar semula dari pelbagai agensi seperti pusat kitar semula di kawasan perkampungan dan perumahan, kilang, NGO dan juga sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai.

Berdasarkan pencapaian tersebut, MPSP telah menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% dan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50% pada tahun 2022 dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022. Angka-angka ini merupakan satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya MPSP dan penduduk Seberang Perai bersama-sama berganding bahu mencapai matlamat ini. Warga Seberang Perai hendaklah mengurangkan penjanaan sampah dan menjadikan kitar semula sebagai tunjang utama dalam menjaga alam sekitar yang lebih lestari.

Di antara langkah-langkah perancangan MPSP bagi mencapai sasaran ini adalah:-

- i. Memperkenalkan MPSP *Smart Consumption Model 8R* dan mengadakan program pendidikan dan kesedaran berhubung pengurangan dan pengasingan sisa di punca yang melibatkan semua pihak di Seberang Perai.
- ii. Meningkatkan jumlah penyertaan kilang, sekolah dan komuniti dalam program kitar semula. Sehingga kini sebanyak 76 kilang, 152 sekolah dan 25 komuniti telah menyertai pelbagai program kitar semula di bawah MPSP. MPSP mensasarkan peningkatan penyertaan sebanyak 85 kilang dan 30 komuniti lagi dalam program kitar semula, manakala 50 sekolah disasarkan untuk dipilih sebagai Duta Hijau.
- iii. Menggalakkan aktiviti kitar semula di kalangan Agensi-agensi Kerajaan di Seberang Perai dengan matlamat menjadikan agensi kerajaan sebagai badan yang memahami dan mengamalkan aktiviti kitar semula dan pada masa yang sama mengimplementasikan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di pejabat. Pada 7 Februari

2018, bekas kitar yang ditaja oleh Syarikat Amphenol TCS telah berikan kepada 50 buah agensi kerajaan di Seberang Perai.

- iv. Mewujudkan pusat-pusat kompos di mana sebanyak tiga pusat kompas telah diwujudkan setakat ini di Pasar Awam Bagan Ajam, Taman Pandan dan Auto City, Juru. MPSP mensasarkan satu pusat kompos diwujudkan setiap tahun.
- v. Mewujudkan Bank Data Pemungut Kitar Semula pada April 2018.
- vi. Meningkatkan pengeluaran barang ‘upcycle’ yang dihasilkan daripada sisa / bahan buangan sebagai bahan baru atau produk baru yang kualitinya hampir sama atau lebih baik melalui reka bentuk yang kreatif.

Penganjuran Karnival 8R ini juga merupakan satu usaha ke arah mewujudkan kesedaran di kalangan pengunjung akan kepentingan pengurangan sisa dan meningkatkan minat dalam kitar semula barang buangan.

## **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Intipati kepada MPSP *Smart Consumption Model 8R* ialah memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan. Saya amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua komuniti di SPU, SPT dan SPS untuk mengamalkan konsep ini dalam kehidupan harian. Konsep 8R yang sentiasa saya war-warkan adalah:-

1. *Rethink (Be mindful of your consumption, your relationship with ‘things’ and your relationship with the Earth)*. Ianya mengajar kita membuat pembelian secara berhemah atau mengambil sekadar keperluan. Ini dapat mengelakkan pembaziran dari sisa tersebut berakhir di tapak pelupusan. MPSP telah mewarwarkan berhubung kitar semula dan dasar pengasingan sisa dipunca dalam ceramah pengurusan sumber alam di sekolah-sekolah dan komuniti tempatan.
  
2. *Refuse (Don’t consume what you don’t need to)*. Kita sentiasa mempunyai pilihan. Jangan beli apa-apa yang tidak diperlukan. Sebagai contoh menolak penggunaan plastik kerana plastik merupakan sumber terbesar pencemaran alam. MPSP

bersama JCI Batu Kawan mengadakan Kempen Pengurangan Penggunaan Bag Plastik dan menggalakkan pengunjung membawa bekas sendiri semasa pembelian.

3. *Reduce (Reduce consumption of energy and materials).*  
Kurangkan jumlah sampah yang dihasilkan untuk dihantar ke tapak pelupusan sampah. Sebagai contoh: pengurangan penggunaan barang pakai buang seperti peralatan makan dan minum (*disposable utensils*); membeli produk yang tidak mempunyai pembungkusan yang terlalu banyak; dan memulakan kompos sampah. Antara program yang dilaksanakan adalah Kempen Makan Sampai Habis di mana dalam ceramah-ceramah MPSP di komuniti perumahan, para hadirin digalakkan untuk membawa pinggan dan gelas sendiri dan tidak meninggalkan apa-apa sisa makanan.
  
4. *Re-use (Share with others. Find new uses for old objects).*  
Mulakan langkah mudah dalam pengurangan sisa. Contoh harian yang dapat kita lihat adalah mengamalkan penggunaan *reusable bag* ketika membeli-belah. Beg plastik bukan sahaja akan berakhir di tapak pelupusan, sebaliknya ia juga mungkin akan berakhir di dalam parit atau longkang yang bilamana

tersumbat boleh menyebabkan banjir kilat. Di antara program yang dilaksanakan oleh MPSP adalah:

- a. Karnival ‘*upcycle*’ di Autocity pada Sabtu pertama tiap-tiap bulan. Penyertaan untuk karnival ini adalah terbuka kepada individu serta pertubuhan tempatan. Tujuan karnival ini ialah untuk memberi peluang dan galakkan kepada individu atau pertubuhan tempatan bagi pemasaran produk “*upcycle*” dari bahan bahan-bahan buangan. Ini juga mendidik orang awam supaya lebih kreatif dalam mengubah bahan-bahan buangan.

Selain itu, semasa pameran, komuniti juga dijemput untuk mengadakan jualan dan pertunjukan membuat produk ‘*upcycle*’. Sehingga kini terdapat enam (6) komuniti di Seberang Perai yang telah berjaya dalam penghasilan produk ‘*upcycle*’ untuk tujuan jualan, iaitu Permatang Nibong, Taman Pandan, Penanti, Machang Bubok, Kepala Gajah dan Taman Cendarawasih.

- b. Promosi ‘*upcycle*’ pada Ahad terakhir di Pasar Awam Kota Permai iaitu program yang diadakan hari ini.

- c. Pertandingan sudut ‘*upcycle*’ sekolah-sekolah tajaan F&N.
  - d. Pertandingan reka cipta kotak minuman tajaan Tektra Pak Malaysia
5. *Repair (Fix or upgrade your objects rather than throwing them away)*. Tidak terus membuang barang-barangan yang rosak. Sebilangan barang yang rosak boleh dibaiki dan digunakan semula. MPSP berkerjasama dengan Klinik Cure & Care dan Delta untuk mengumpul perabut terpakai untuk dibaiki.
6. *Re-gift (Share, and be a part of the gift company)*. Barang yang masih boleh digunakan dihadiahkan atau disumbangkan kepada pihak yang memerlukan. MPSP telah mewujudkan aktiviti pengumpulan barang permainan lama (*old toys*) di Ibu Pejabat MPSP untuk dibahagikan kepada orang yang memerlukan.
7. *Recover (Energy and materials recovery)*. Rawatan bahan buangan untuk menjana tenaga. Tenaga yang dihasilkan oleh kaedah khas dan digunakan sebagai kuasa / tenaga. Antara program yang akan dan sedang dilaksanakan oleh MPSP adalah:-

- a) Mewujudkan komuniti sisa sifar dan pengkomposan sisa.
  - b) Mencari pelabur berpotensi bagi program 'waste to energy' sisa organik.
  - c) Pengumpulan minyak masak terpakai bagi biodiesel.
  - d) Anugerah tadahan air hujan sekolah-sekolah melalui Aqua Save PBA
8. *Recycle (Close the loop and remake)*. Cara dan kaedah dalam menjalankan kitar semula barang-barangan yang dibuang. Selain itu, mempraktikkan seni 'upcycle', barang terbuang untuk dijadikan suatu barang baru, yang berkualiti, bernilai dan boleh digunakan. Malah, ianya boleh dijadikan sebagai punca sumber pendapatan yang lumayan. Program-program utama yang dianjurkan oleh MPSP adalah mewujudkan pusat kitar semula dan pertandingan kitar semula sekolah-sekolah.

Pelan tindakan MPSP dalam mempromosikan 8R ialah penyediaan 10,000 keping poster untuk edaran ke sekolah-sekolah semasa pelancaran anugerah sekolah hijau pada 08 Februari 2018 dan juga memasukkan 8R dalam skema anugerah sekolah hijau dan anugerah komuniti mampan. Selain itu pendedahan serta promosi 8R dilaksanakan melalui penganjuran program seperti hari ini.

Karnival 8R yang dilancarkan hari ini adalah merupakan acara bulanan yang akan diadakan pada hari Ahad terakhir tiap-tiap bulan di Pasar Awam Kota Permai. Tema karnival akan berubah mengikut bulan. Bagi Bulan Februari ini tema karnival adalah “Hari Tanpa Bag Plastik”. Antara aktiviti-aktiviti yang akan diadakan adalah pembelian barang kitar semula, penjualan barang ‘*upcycle*’, perniagaan tukar barang (*barter trade*) dan penjualan sayur-sayuran organik. Selain itu, pertandingan melukis konspe 8R juga diadakan. JCI akan terus membantu dalam kempen 8R di komuniti ini.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk-penduduk Taman Kota Permai yang hadir dan memberikan komitmen penuh dalam program kitar semula serta membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Saya menyeru para hadirin sekalian untuk menjadikan kitar semula dan sisa sifar sebagai satu amalan dalam budaya hidup

seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan sehijau mungkin. Diharapkan dengan program kitar semula ini dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai “*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*”.

Terima kasih juga saya rakamkan kepada pihak JCI Batu Kawan, Ketua-ketua Jabatan dan seluruh warga MPSP yang telah berjaya melaksanakan Karnival 8R ini.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Karnival 8R di Pasar Awam Kota Permai, Taman Kota Permai, Bukit Mertajam.

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum***

***Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**